

JAWATAN : PENOLONG ARKITEK LANDSKAP - JA29

Klasifikasi : Kejuruteraan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Tetap

Jadual Gaji JA29 : Min : RM 1,549.00 - Max : RM 5,701.00
(Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 145.00)

Elaun : Imbuan Tetap Khidmat Awam RM 160.00
Imbuan Tetap Perumahan RM 300.00
Bantuan Sara hidup RM 150.00

Syarat Lantikan :

- (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,549.00) ; atau

- (ii) Sijil dalam bidang Perancang Bandar, Kejuruteraan Awam (Seni Bina) atau senibina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya ; atau

(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,549.00)

- (iii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,935.02)

Syarat Kelayakan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan.